



## **KENYATAAN MEDIA BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI**

---

### **PENAMBAHBAIKAN AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711] BAGI MEMPERKUKUH PELINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT DAN MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENYALURAN MAKLUMAT**

**PUTRAJAYA, 17 Februari 2025** – Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri sedang menerajui usaha untuk membuat pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]. Penggubalan Akta 711 adalah bertujuan untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pemberi maklumat membuat pendedahan kelakuan tidak wajar, melindungi orang yang membuat pendedahan daripada tindakan yang memudaratkan dan memastikan supaya pendedahan tersebut disiasat dan diuruskan dengan sewajarnya.

Cadangan pindaan dan penambahbaikan Akta 711 ini juga merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) Bagi Tahun 2019 – 2023 iaitu di bawah Strategi 5: Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-undang dan Objektif Strategik 5.3: Memperkuuh Agensi Penguatkuasaan undang-undang dan diteruskan lagi dengan pelaksanaan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (National Anti-Corruption Strategy NACS) 2024 – 2028 di mana cadangan pindaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 ini termasuk di bawah Strategi 4 (Penguatkuasaan).

YAB Perdana Menteri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 17 Bilangan 1 Tahun 2023 (yang kini dikenali sebagai Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional - JKKTN) pada 6 Julai 2023 telah bersetuju berhubung cadangan

penambahbaikan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] selaras dengan usaha Pembanterasan Rasuah Nasional Negara.

Lanjutan daripada itu, sebanyak **lebih 20 sesi mesyuarat jawatankuasa kerja, lima (5) bengkel pembangunan dan penetapan dasar serta enam (6) sesi libat urus** telah diadakan dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi Kerajaan, agensi-agensi penguatkuasaan utama serta badan bukan kerajaan bagi meneliti semula Akta 711 secara keseluruhannya. Ini adalah penting untuk mendapatkan pandangan dan khidmat nasihat daripada pemegang taruh serta kesediaan badan-badan yang telah diperuntukkan kuasa terhadap mekanisme pelaksanaan dan implikasi yang mungkin berbangkit apabila pindaan ini dikuatkuasakan.

Sepanjang usaha penambahbaikan untuk memperkuatkan fungsi Akta 711 ini, banyak maklum balas penting telah diterima daripada pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan yang turut diambil kira bagi memastikan impaknya terhadap sistem keadilan negara dan masyarakat secara umumnya. Antaranya, **penglibatan daripada pihak C4 Center, Rasuah Busters, Transparency International, Majlis Peguam** dan juga **CSO Platform for Reform** adalah signifikan bagi mendapatkan pandangan yang lebih menyeluruh supaya semua aspek telah diambil kira dalam merealisasikan cadangan pindaan ini.

Cadangan dasar ini merangkumi:

- a) **pengubahsuaian proviso di bawah seksyen 6** membuat pendedahan berhubung sebarang kelakuan tidak wajar, selaras dengan tafsiran kelakuan tidak wajar tersebut di bawah Seksyen 2 Akta 711;
- b) **penambahbaikan seksyen 11 Akta 711** bagi peruntukan pembatalan perlindungan kepada pemberi maklumat di mana perlindungan boleh dilanjutkan sekiranya pendedahan yang dibuat adalah berdasarkan suci hati (*good faith*) dan tidak melibatkan sebarang kepentingan peribadi;

- c) **pengenalan kaedah dan skala pengiraan ganjaran melalui Peraturan di bawah Akta 711** mengguna pakai kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Seksyen 27(1) Akta 711 dan diwartakan bagi tujuan penguatkuasaan; dan
- d) **cadangan perluasan perlindungan kepada pemberi maklumat** dari segi fizikal dengan mengguna pakai Program Perlindungan Saksi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696].

Selain itu, BHEUU, JPM juga mencadangkan penubuhan satu Jawatankuasa Perlindungan Pemberi Maklumat secara interim untuk memantapkan aspek pengurusan dan penyelarasan pelaksanaan perlindungan pemberi maklumat di bawah Akta 711 sebelum penubuhan agensi berpusat sebenar. Jawatankuasa ini juga boleh dijadikan sebagai penanda aras bagi menentukan fungsi sebenar agensi berpusat serta tatacara bersesuaian bagi mengendalikan pelbagai senario pendedahan kelakuan tidak wajar melalui pelbagai agensi.

Melalui perangkaan dasar yang tepat, pindaan ini bukan sahaja memberi perlindungan kepada pemberi maklumat, tetapi juga boleh meningkatkan keyakinan kepada masyarakat supaya lebih yakin untuk mendedahkan apa-apa kelakuan tidak wajar. Cadangan pindaan ini juga diyakini dapat membantu Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat MADANI yang akan sentiasa menolak perbuatan salah laku, rasuah dan pelanggaran integriti dalam kehidupan seharian.

**-TAMAT-**